

POLITIK

Pilihanraya: Pulau Pinang jadi medan pertarungan

Oleh ZAINAL A

PULAU Pinang akan menjadi medan pertarungan sengit parti-parti politik menjelang pilihanraya umum akan datang. Demam pilihanraya yang kian memular di seluruh negara kini juga memepiasi Pulau Pinang.

Ini didasarkan kepada perasaan awal parti-parti politik baik komponen Barisan Nasional, mahupun parti pembangkang DAP, PAS dan PSPM.

Tidak siapa dapat memastikan tarikh pilihanraya umum tersebut. Apakah ia akan berlangsung lebih awal dari yang dijangkakan?

Persoalan itu sentiasa bermain di bibir tokoh-tokoh politik di dalam dan luar negeri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa merasmikan perjumpaan persidangan agung parti Gerakan di Dewan Sri Pinang baru ini juga tidak membayangkan tarikh sebenar pilihanraya tersebut.

Oleh kerana itu, ramai yang agak tidak sabar lagi menunggu perjumpaan tarikh pilihanraya umum meskipun mereka hanya beranggapan berdasarkan reaksi di seluruh negara bahawa pilihanraya sudah kian hampir.

Barisan Nasional sudah mula memperkumakan jentera pilihanraya masing-masing. Sementara UMNO dalam waktu yang kebelakangan ini giat mengadakan perjumpaan sivik dan sebagainya.

Manakala DAP, PAS juga PERM sudah pun bersiap-sedia untuk menghadapi pilihanraya akan datang bila-bila masa sahaja.

Tokoh-tokoh UMNO ketika ditinjau menyatakan, mereka kini sudah bersiap sedia menghadapi pilihanraya tersebut.

"Kami yakin pilihanraya kian hampir," ujar seorang UMNO. "Kami sedar pilihanraya tidak lama lagi. Kami sedang berusaha bagi menentukan calon yang akan bertarung," kata seorang tokoh PAS.

Barisan Nasional sudah mula memperkumakan jentera pilihanraya masing-masing. Sementara UMNO dalam waktu yang kebelakangan ini giat mengadakan perjumpaan sivik dan sebagainya



■ PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir (dua dari kanan) semasa hadir merasmikan mesyuarat agung MIC di Pulau Pinang.

"Kami tidak khuatir jika pilihanraya diadakan bila-bila masa sahaja," ujar tokoh DAP. Soal pokok yang diberi perhatian oleh orang ramai di Pulau Pinang ialah apakah Barisan Nasional menyapu bersih kesemua 27 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya akan datang?

Bertanding

Apakah DAP dapat menawan Pulau Pinang seperti yang diramalkan dalam 'projek 83-nya'? DAP kini hanya mempunyai dua kerusi di De-

wan Undangan Negeri iaitu di kawasan Bukit Gelugor dan Air Hitam.

Tiga kawasan lagi di Kampong Kolam, Bandar Bukit Mertajam dan Paya Terubung terlepas bila ketiga bekas ahli DAP, menyeberangi BN. Apakah DAP akan dapat merebut kembali ketiga-tiga itu kelak sebelum berhasrat menawan Pulau Pinang?

Satu lagi persoalan menarik, apakah Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu akan bertanding semula di kawasan Padang Kota? Ataupun melepaskan kerusi itu untuk melorongan muka baru menggantikan beliau?

Dari tinjauan yang dibuat, kemungkinan besar Dr. Lim akan bertanding semula. Kelang ahli-ahli Gerakan optimis beliau akan bertanding semula.

Alasan yang diberi ialah khidmat beliau masih diperlukan oleh parti. Dr. Lim menjadi Penasihat Kebangsaan parti tersebut selepas mengundurkan diri dari bertanding sebagai Presiden Parti.

Fenomena Setiausaha parti Gerakan Pulau Pinang, Dr. Ong Hean

Teo semasa ditanya kedudukan Dr. Lim dalam pilihanraya akan datang secara spontan menganggakan, Gerakan masih memerlukan khidmat Dr. Lim.

Dipatuh

Pengawasan beliau itu adalah selaras dengan salah satu resolusi dalam mesyuarat Gerakan yang mahukan Dr. Lim terus bertanding. Tidak diketahui sama ada Dr. Lim akan

memerima saranan parti dan tokoh-tokoh parti Gerakan.

Manakalannya, siapa yang akan dipilih untuk menjadi Ketua Menteri tererah kepada Pulau Pinang?

Dr. Ong berkata, soal apakah yang berhak untuk menjadi Ketua Menteri tererah kepada Pulau Pinang? Dan keputusan tersebut mungkin dipengaruhi oleh keputusan pucuk pimpinan Barisan Nasional. Dan keputusan tersebut juga dipertikalkan hendaklah dipatuh.

MCA pula difahamkan sedang memeperkukuhkan kedudukannya untuk

bukan sahaja mempertahankan kerusi yang ada sekarang tetapi berkemungkinan cuba mendapatkan tambahan kerusi di kawasan bandar.

Modal

Tetapi soal hubungan antara Gerakan sedang juga dipertikalkan sekarang.

BN di Pulau Pinang diramalkan akan menggunakan isu pembinaan

jambatan dari tanah besar ke Pulau Pinang dalam pilihanraya nanti di samping isu-isu lain.

Sikap kepimpinan baru negara yang berjaya menambati hati rakyat merupakan satu modal besar bagi kempen BN untuk mencapai kemenangan lebih pesat.

Sementara PAS akan berusaha sedapat mungkin untuk memperincikan kerusi tunggal di Sungai Dua dan akan berusaha juga di kawasan lain.